



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 7 MAC 2021**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|-----------------------------|---|---|
| 1. 2. 3. 4. | MAFI SASAR LEBIH 3,000 KUMPULAN DAPAT MANFAAT KEBUNITI, BH -ONLINE PROGRAM KEBUNITI DAN PROGRAM PERTANIAN ORGANIK: 3,000 KUMPULAN TANI DISASAR TERIMA MANFAAT, BERITA RTM -ONLINE OVER 3,000 FARMERS TO RECEIVE FARMING AID UNDER 12MP – KIANDEE, HOME, BORNEO POST (KK) -4 MINISTRY IS TARGETTING 3,000 FARMERS TO RECEIVE ASSISTANCE, DAILY EKSPRESS -ONLINE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 5. | RM13 JUTA UNTUK PROJEK PENEMPATAN SEMULA NELAYAN TERENGGANU, NEGERI SELANGOR/JOHOR/TERENGGANU, 5H -32 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 6. 7. 8. 9. 10. | KARTEL IMPORT DAGING MASIH AKTIF, NASIONAL, BH -7 MAQIS TIDAK ADA KUASA HALANG SYARIKAT PROKSI, NASIONAL, BH -7 PINDAAN AKTA MAMPU PERKUKUH KUASA BERTINDAK MAQIS, NASIONAL, BH AHAD -12 CARTELS CONTINUE TO USE PROXY FIRMS, NATION/NEWS, NST -9 MAQIS: PROXY FIRMS CAN IMPORT FROZEN MEAT, NATION/NEWS, NST -9 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|---------------|---------|------------|
| 7/3/2021 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

MAFI sasar lebih 3,000 kumpulan dapat manfaat Kebuniti



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiangdee

BELURAN: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menasaskan lebih 3,000 kumpulan tani di seluruh negara akan mendapat manfaat daripada Program Kebun Komuniti (Kebuniti) dan Program Pertanian Organik menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiangdee, berkata kedua-dua program membabitkan peruntukan sebanyak RM50 juta bagi membantu masyarakat luar bandar menjana pendapatan.

"Matlamat Kebuniti adalah untuk menghasilkan tanaman untuk makanan sendiri. Tentu sekali kelebihan daripada itu boleh dijadikan peluang ekonomi.

"Bagi program pertanian organik pula, matlamatnya untuk membangunkan perusahaan tani melalui kaedah pertanian mesra alam dan tentu sekali akan menghasilkan industri pertanian yang lebih baik dari segi keselamatan bio," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Mesra bersama Kumpulan Tani di Zon Lingkabau di sini hari ini.



Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr. Ronald Kiangdee (kanan) menyerahkan anak pokok pisang kepada salah seorang petani pada majlis Mesra Bersama Kumpulan Tani Zon Lingkabau di Dewan Kampung Timbulus hari ini. - Foto BERNAMA

Beliau berkata, usaha itu akan membabitkan agensi kerajaan seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi membantu dari segi pemasaran dalam kalangan pengusaha tani.

Kiangdee, yang juga Ahli Parlimen Beluran, berkata pejabatnya sedia membantu Kementerian Kesihatan (KKM) menjayakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan di kawasan itu, termasuk pulau.

Beliau berkata, pihaknya menyedari kesukaran yang dihadapi penduduk luar bandar, khususnya di pulau, mendapat akses kepada

pelbagai perkhidmatan termasuk jalur lebar bagi memudahkan pendaftaran untuk program imunisasi itu.

"Bagaimanapun, saya yakin KKM mempunyai program untuk memastikan mereka (penduduk pulau dan luar bandar) menerima vaksin.

"Kita (pejabat parlimen) bersedia membantu malah di peringkat MAFI, sebilangan besar warga kementerian juga telah mendaftar sebagai sukarelawan bagi membantu KKM untuk memberi vaksin dan saya yakin di kementerian lain juga begitu," katanya.

Kiangdee turut menasihati masyarakat, terutama di luar bandar, supaya sentiasa peka terhadap program imunisasi itu bagi melandaikan lengkung pandemik COVID-19 di negara ini. - BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|------------|---------|------------|
| 7/3/2021 | BERITA RTM | ONLINE | |

Program Kebuniti dan Program Pertanian Organik: 3,000 kumpulan tani disasar terima manfaat



BELURAN, 7 Mac- Lebih 3,000 kumpulan tani komuniti disasar menerima manfaat menerusi Program Kebuniti dan Program Pertanian Organik Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald berkata, RM50 juta diperuntukkan bagi menjayakan program itu menerusi Rancangan Malaysia Ke-12, sekali gus membantu masyarakat luar bandar menjana pendapatan.

"Matlamat utama adalah untuk meningkatkan pendapatan masyarakat tani di luar bandar."

"Penglibatan tunjuk ajar yang dibuat oleh jabatan-jabatan yang terlibat ini akan dapat membangunkan masyarakat tani."

Beliau mengulas perkara itu pada Majlis Mesra Bersama Kumpulan Tani Di Zon Lingkabau, di Dewan Kampung Timbulus, Beluran.

Majlis turut menyaksikan simbolik penyampalan bibit tanaman pisang dan kelapa kepada sepuluh peserta yang terlibat dalam Program Kebuniti di Kampung Timbulus, Beluran.

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Over 3,000 farmers to receive farming aid under 12MP - Kiandee | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 07 Mar 2021 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 4 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 133 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 371 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 1,113 |



Over 3,000 farmers to receive farming aid under 12MP – Kiandee

BELURAN: The Agriculture and Food Industry Ministry (MAFI) is targeting over 3,000 farmers throughout the country to receive assistance from the Community Garden Programme (Kebuniti) and the Organic Farming Programme under the 12th Malaysia Plan (12MP).

Its minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said both programmes involved an allocation of RM50 million to help the rural population to generate income.

“The goal of Kebuniti is to produce crops for self-sustenance...of course surplus can be turned into economic opportunities.

“For the organic programme, the goal is to develop agricultural industry through an eco-friendly method and of course, to produce better crops in terms of bio-security,” he told reporters after attending an event with farmers in Lingkabau zone here yesterday.

He also said the effort will involve government agencies including the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) to help farmers overcome issues in marketing their produce.

Meanwhile, Kiandee, who is also Beluran MP, said his parliamentary constituency office was prepared to assist the Health Ministry to implement the National Covid-19 Immunisation Programme in the area, including in the islands.

He said he was aware of the issues faced by the rural population, especially those on the islands, who found it difficult to register for the vaccine online.

“I am, however, confident that the Health Ministry has a programme to ensure they (the islanders and rural population) receive the vaccine.

“We (the parliamentary constituency office) are ready to assist. In fact, at MAFI, many ministry staff have also registered as volunteers to help the Health Ministry to provide the vaccine, and I am sure it is the same where other ministries are concerned,” he added.

Kiandee also advised Malaysians, especially those in rural areas, to keep abreast of the immunisation programme, which is being carried out in the effort to flatten the Covid-19 curve in the country.
- Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|----------------|---------|------------|
| 7/3/2021 | DAILY EKSPRESS | ONLINE | |

Ministry is targetting 3,000 farmers to receive assistance



BELURAN: The Agriculture and Food Industry Ministry (Mafi) is targetting over 3,000 farmers throughout the country to receive assistance from the Community Garden Programme (Kebuniti) and the Organic Farming Programme under the 12th Malaysia Plan. Its minister Datuk Seri Dr Ronald Kiang (pic) said both programmes involved an allocation of RM50 million to help the rural population to generate income. "The goal of Kebuniti is to produce crops for self-sustenance...of course surplus can be turned into economic opportunities.

"For the organic programme, the goal is to develop agricultural industry through an eco-friendly method and of course, to produce better crops in terms of bio-security," he told reporters after attending an event with farmers in Lingkabau zone here Saturday.

He also said the effort will involve government agencies including the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) to help farmers overcome issues in marketing their produce.

Meanwhile, Kiang, who is also Beluran MP, said his parliamentary constituency office was prepared to assist the Health Ministry to implement the National Covid-19 Immunisation Programme in the area, including in the islands.

He said he was aware of the issues faced by the rural population, especially those on the islands, who found it difficult to register for the vaccine online.

"I am, however, confident that the Health Ministry has a programme to ensure they (the islanders and rural population) receive the vaccine.

"We (the parliamentary constituency office) are ready to assist. In fact at MAFI, many ministry staff have also registered as volunteers to help the Health Ministry to provide the vaccine, and I am sure it is the same where other ministries are concerned," he added.

Kiang also advised Malaysians, especially those in rural areas, to keep abreast of the immunisation programme, which is being carried out in the effort to flatten the Covid-19 curve in the country.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|--------------|--|------------|
| 7/3/2021 | SINAR HARIAN | NEGERI SELANGOR/ TERENGGANU/ JOHOR | 32 |



Ahmad (Ilma dari kanan) bersama wakil setiap agensi yang menerima bantuan MAFI untuk diagihkan kepada penerima yang dikenal pasti ketika Program Misi Bantuan Pasca Banjir MAFI Prihatin 2021 di Pelabuhan Perikanan LKIM Chendering, Kuala Terengganu pada Sabtu.

RM13 juta untuk Projek Penempatan Semula Nelayan Terengganu

KUALA TERENGGANU - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperuntukkan RM13 juta tahun ini untuk Projek Penempatan Semula Nelayan (PSN) negeri ini yang disalurkan menerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Timbalan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, peruntukan berkenaan merangkumi tiga kawasan iaitu Pulau Sekepeng, Kemaman, Seberang Penarik, Setiu dan Benting Lintang, Besut.

“Setiap kawasan membabitkan sebanyak 50 buah rumah dengan peruntukan pembinaan setiap rumah RM3,500,000 dan RM2,500,000 kos infrastruktur,” katanya pada sidang akhbar selepas Program Misi Bantuan

Pasca Banjir MAFI Prihatin.2021 di Pelabuhan Perikanan LKIM Chendering di sini pada Sabtu.

Ahmad berkata, misi MAFI Prihatin yang dilancarkan di Wisma Tani, Putrajaya pada 21 Januari lalu melibatkan penghantaran bantuan keperluan makanan, barangan peralatan elektrik dan kelengkapan asas ke negeri yang terjejas banjir iaitu Pahang, Kelantan, Sabah, Johor dan Terengganu.

“Terengganu merupakan negeri kelima Misi MAFI Prihatin Banjir 2021 dengan menyasarkan nelayan, petani dan penternak yang terjejas banjir. Antara bantuan yang akan disampaikan ialah keperluan makanan, barangan peralatan elektrik dan kelengkapan asas,” katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|--------------|---------|------------|
| 7/3/2021 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

RM13 juta untuk Projek Penempatan Semula Nelayan Terengganu



Ahmad (lima dari kanan) bersama wakil setiap agensi yang menerima bantuan MAFI untuk diagihkan kepada penerima yang dikenal pasti ketika Program Misi Bantuan Pasca Banjir MAFI Prihatin 2021 di Pelabuhan Perikanan LKIM Chendering, Kuala Terengganu pada Sabtu.

KUALA TERENGGANU - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyediakan peruntukan sebanyak RM13 juta tahun ini untuk Projek Penempatan Semula Nelayan (PSN) negeri ini yang disalurkan menerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Timbalan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, peruntukan berkenaan merangkumi tiga kawasan iaitu Pulau Sekepeng, Kemaman, Seberang Penarik, Setiu dan Benting Lintang, Besut.

"Setiap kawasan ini masing-masing membabitkan sebanyak 50 buah rumah dengan peruntukan pembinaan setiap rumah RM3,500,000 dan RM2,500,000 kos infrastruktur," katanya pada sidang akhbar selepas Program Misi Bantuan Pasca Banjir MAFI Prihatin 2021 di Pelabuhan Perikanan LKIM Chendering di sini pada Sabtu.

Ahmad berkata, misi MAFI Prihatin yang dilancarkan di Wisma Tani, Putrajaya pada 21 Januari lalu melibatkan penghantaran bantuan keperluan makanan, barangan peralatan elektrik dan kelengkapan asas ke negeri yang terjejas banjir iaitu Pahang, Kelantan, Sabah, Johor dan Terengganu.

"Terengganu merupakan negeri kelima Misi MAFI Prihatin Banjir 2021 dengan menyasarkan nelayan, petani dan penternak yang terjejas banjir. Antara bantuan yang akan disampaikan ialah keperluan makanan, barangan peralatan elektrik dan kelengkapan asas.

"Seramai 500 penerima dalam kalangan peladang, penternak dan nelayan di pelbagai kawasan dikenal pasti untuk menerima bantuan MAFI Prihatin iaitu dari Kemaman, Kijal, Kemasik, Dungun, Hulu Terengganu, Setiu dan Besut.

"Program yang merupakan salah satu tanggungjawab sosial dan keprihatinan MAFI dan LKIM kepada golongan sasar turut menghulurkan sumbangan keperluan makanan seperti ikan segar beku (Q' Fish) kepada penerima yang diagihkan oleh LKIM," katanya.



Ahmad (tengah) menunjukkan tanda bagus ketika penyerahan bantuan peralatan elektrik kepada wakil sebelum diagihkan kepada penerima yang layak sempena Program Misi Bantuan Pasca Banjir MAFI Prihatin 2021 di Pelabuhan Perikanan LKIM Chendering, Kuala Terengganu pada Sabtu.

Beliau turut menasihatkan kepada para nelayan agar mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan langkah keselamatan semasa menjalankan tugas atau menangkap ikan di laut seperti sentiasa memakai jaket keselamatan dan menghubungi pihak berkuasa jika melihat jenayah di laut.

asing tanpa izin (PATI).

"Contoh jenayah kebiasaan bertaku di laut hari ini pencerobohan nelayan asing dan penyeludupan barangan terlarang dan pendatang

"Saya juga berharap warga kerja MAFI terutama semasa bertugas di lapangan dan masyarakat nelayan untuk terus mengamalkan norma baharu seperti memakai pelitup muka dan penjarakan sosial dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)," katanya.

Sementara itu, Ahmad berkata, sehingga kini sebanyak 135 buah pasar nelayan dibuka di negara ini dan sembilan daripada jumlah tersebut beroperasi negeri ini.

"Daripada jumlah pasar nelayan yang beroperasi ini melibatkan seramai 550 peserta keseluruhannya telah berjaya merekodkan jumlah jualan sebanyak RM45 juta sehingga November tahun lalu.

"Dengan pencapaian memberangsangkan ini, kami mensasarkan jualan pada tahun ini sehingga RM55 juta," katanya.

Kartel import daging masih aktif

Nama buruh am sebagai 'pengarah' masih digunakan

Oleh Wartawan BH.
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Operasi kartel mengimport daging diragui status halalnya, dengan menggunakan nama syarikat pemilik Butiputera, dikesan masih aktif apabila bekalan yang cuba dibawa masuk, ditahan pihak berkuasa di sebuah zon bebas pelabuhan, baru-baru ini.

Berdasarkan dokumen diterima dan dilihat *BH*, syarikat proksi itu mengimport bekalan sejak 2019. Semakan mendapati, nama seorang buruh am dinyatakan sebagai 'pengarah' dengan penganan sabam RM250,000.

Syarikat itu mempunyai status

pengimport sah dengan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS). Namun, lelaki dinamakan sebagai 'pengarah' dan pemegang syer, langsung tidak mengetahui kedudukan dirinya dalam syarikat terbabit.

Sepanjang 2019, syarikat itu mengimport 195 tan daging bernilai kira-kira RM2.4 juta, manakala tahun lalu, lebih 320 tan bernilai lebih RM3 juta dibawa masuk, khususnya dari Brazil dan Australia.

Kegiatan syarikat itu yang berterusan menggunakan namanya sebagai 'pengarah' menyebabkan buruh berusia 37 tahun terbabit membuat dua laporan polis, tetapi setakat ini gagal menghentikan perbituan tidak bertanggungjawab itu.

Mangsa bimbang dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa kerana namanya masih disenarai-kan sebagai pengarah syarikat, sedangkan langsung tiada kena mengena dengan kegiatan meng-

import daging diragui status halal itu.

"Saya amat berharap perkara ini dapat diselesaikan pihak berkuasa. Sebelum ini, saya pernah dikejutungi pihak berkuasa berkaitan yang mengambil keterangan," katanya kepada *BH*.

Mangsa berkata, walaupun tidak gentar sebab yakin tidak ber-salah kerana tidak terbabit aktiviti 'haram' syarikat itu, namun beliau bimbang keselamatan isteri dan dua anak.

"Risau dan kasihan anak, mereka kelihatan takut apabila pihak berkuasa datang ke rumah.

"Saya faham benda seperti ini tidak mudah diselesaikan, namun amat berharap nama saya dapat dibersihkan," katanya.

Sebelum ini, *BH* pernah melaporkan syarikat proksi ditubuhkan kartel pembekal daging sejuk beku di negara ini, dinamakan dengan nama berunsur islamik dan kemelayuan untuk meraih keyakinan pengguna Is-lam.

MAQIS tidak ada kuasa halang syarikat proksi

Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) tiada kuasa menghalang mana-mana syarikat proksi mengimport bekalan daging sejuk beku ke negara ini.

Ketua Pengarahnya, Saiful Yazan Mat Aliwi, menjelaskan mana-mana pihak boleh mengimport masuk bekalan daging sejuk beku, asalkan mematuhi peraturan ditetapkan.

Bellau berkata, mana-mana pengimport mesti mempunyai permit import dan mematuhi semua peraturan ditetapkan MAQIS, sebelum membawa masuk bekalan. "Malaysia negara dagang, jadi negara mengalakkan sektor import, penggunaan syarikat sama ada proksi atau tidak, adalah tak-tik perniagaan.

"Selagi mereka memenuhi syarat permit, mereka boleh mengimportnya, syarikat bebas berniaga," katanya kepada *BH*.

Bellau mengulas modus operandi menggunakan syarikat proksi untuk membawa bekalan daging diragui halal masuk ke pelabuhan dilihat masih aktif dipertawai dilanggi kartel.

Pada masa sama, Saiful Yazan

berkata, mana-mana individu yang merasakan diri mereka digunakan identitinya untuk memubuhkan syarikat, mereka diminta membuat laporan polis untuk tindakan selanjutnya.

Belian berkata, pengimport daging sejuk beku memerlukan permit import (IP), iaitu berbeza dengan ayam yang memerlukan permit diluluskan (AP).

Ini kerana, bekalan daging tempatan tidak mencukupi dan hanya sekadar memenuhi kira-kira 30 peratus kegunaan domestik.

"IP yang dikeluarkan ini bukan tujuan untuk meraih keuntungan, namun sebagai mekanisme kawalan," katanya.



Selagi mereka memenuhi syarat permit, mereka boleh mengimportnya, syarikat bebas berniaga.

Saiful Yazan Mat Aliwi,
Ketua Pengarah MAQIS

Pindaan akta mampu perkukuh kuasa bertindak MAQIS

Sonjan (S): Kerajaan kini sedang menyemak untuk meminda Akta MAQIS 2011, apa MAQIS harapkan daripada pindaan ini?

Jawapan (J): Isu pindaan akta ini timbul ketika Mesyuarat Jawatankuasa Menangani Anti-Rasuah dipengerusikan Perdana Menteri pada 2019. Ketua Setiausaha Kementerian dalam jawatankuasa terbahit membentangkan kertas kerja (mengetahui pindaan akta).

Ketika itu, isunya penyeludupan kelapa di Batu Pahat. Jadi, keputusan jawatankuasa itu supaya Akta MAQIS 2011 (Akta 728) dikaji semula, khususnya mengenai dua isu, iaitu kuasa dan perjawatan agensi itu.

Dua isu berkenaan dikatakan menjadi punca kononnya berlaku penyeludupan disebabkan kelengkapan pegawai di pintu masuk, selain kuasa hanya terhad di pintu masuk, stesen kuarantin MAQIS dan premis kuarantin swasta yang kita isytiharkan.

Itu sahaja kawasan kita boleh buat tangkapan, dakwaan dan sebagainya. Jadi, apabila sesuatu penyeludupan terlepas daripada pintu masuk sama ada ke pasar raya atau gudang, MAQIS sudah tidak mempunyai kuasa lagi menggunakan Akta 728.

Ini lah permulaan perjalanan pindaan akta. Sudah tentu apabila hendak dipinda, perkara selain kedua-dua isu itu kena dikaji juga.

Oleh itu, ia mengambil masa untuk memastikan semakan komprehensif dan mengenal pasti semakan peringkat akhir selama hampir setahun.

Selepas berbincang dengan peserta industri dan pihak berkepentingan, 39 pindaan kepada akta itu dicadangkan. Ia kini pada peringkat Jabatan Peguam Negara sebelum dibawa ke Kabinet dan Parlimen.

Pindaan terbesar dicadangkan membolehkan kuasa MAQIS tidak lagi terhad di tiga tempat terbahit. Selepas pindaan, MAQIS boleh melakukan pelbagai (kaedah penguatkuasaan) seperti sekatan jalan dan serbuan sendiri.

Ketika ini operasi dilakukan secara bersepadu dengan kerjasama agensi seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), selain Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Pertanian.

S: Sebelum ini, MAQIS dikatakan hanya mempunyai 467 anggota untuk mengawal 67

Pembongkaran kegiatan kartel daging import dari beberapa negara luar sehingga menyebabkan status kesihatan dan halalnya diragui menggemparkan masyarakat. Ia menimbulkan persoalan sejauh mana integriti penguat kuasa yang sepatutnya melakukan pemeriksaan di pintu masuk negara dan apakah penambahbaikan untuk mengelak hal sebegini berulang. Ikuti wawancara wartawan **BH**, **Suzalina Halid** bersama Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Saiful Yazan Mat Alwi.



Pindaan terbesar dicadangkan membolehkan kuasa MAQIS tidak lagi terhad di tiga tempat terbahit. Selepas pindaan, MAQIS boleh melakukan pelbagai (kaedah penguatkuasaan) seperti sekatan jalan dan serbuan sendiri.

Saiful Yazan Mat Alwi,
Ketua Pengarah MAQIS

pintu masuk di Semenanjung Malaysia. Adakah penambahan dibuat selepas isu kartel dibongkarkan?

J: MAQIS amat berterima kasih kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan kerana meluluskan penambahan jawatan selepas isu kartel dimainkan media.

Walaupun dalam keadaan pandemik, mereka menambah 62 jawatan baharu, sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan 546 anggota.

Kekurangan besar kita bukan sahaja di pelabuhan kerana MAQIS kita bertugas di semua pelabuhan laut, udara dan darat.

Penumpang banyak masuk di pelabuhan darat di Bukit Kayu Hitam, Kedah dan Bangunan Sultan Iskandar, Johor. Kita memerlukan ramai kakitangan di situ.

Harus ditekankan, MAQIS bukan seperti agensi seperti JKDM kerana kami bukan kutip cukai. MAQIS menjaga biosekuriti, iaitu satu-satunya jabatan menjaga biosekuriti makanan.

Kementerian Kesihatan (KKM) pula menjaga makanan manusia sudah diproses dan kelebihannya, apa-apa virus dan bakteria sudah tiada di tempat pembuatan mengi-

kut standard antarabangsa hingga selamat untuk dimakan.

Bagaimanapun, skop MAQIS membolehkan makanan mentah yang walaupun rawatan sudah dilakukan di negara asal, makhluk perosak masih ada sepanjang perjalanan.

Kita memang faham, walaupun rawatan sudah dibuat, kadangkala

apabila datang dengan kapal besar dan kontena, larva kecil masih ada yang hidup sampai sini sudah besar dan 'berumah tangga'.

Kebimbangan kami adalah kepada industri, sekiranya perosak ini terlepas, ia membahayakan industri seperti *black soldier fly* (BSF) yang boleh menyerang kelulut di negara ini. Ba-

Soal Jawab

nyak kes memabitkan BSF ini, datang dari Afrika.

MAQIS berperanan memeriksa walaupun sudah diisytiharkan dicatat dalam dokumen bahawa fertigasi dilakukan kerana jika terlepas, ia akan membahayakan industri tempatan.

Contohnya pada 2017, virus Moca disyaki datang dari negara jiran. Kadangkala penumpang masuk ke negara ini sebagai pekerja membawa pokok dengan anak benih sedangkan satu genggam tanah mempunyai beribu-ribu mikro, termasuk spesies yang tiada di Malaysia.

Sebarang rawatan yang kita kenal pasti untuk memabitkan perosak itu, adalah untuk kegunaan di negara ini sehingga perosak asing akan imun dengan rawatan itu jadi mereka akan hidup dan melakukan serangan.

Apa berlaku di Johor, tujuh hektar ladang habis rosak sehingga kita terpaksa mengambil pisang dari Sabah. Itulah biosekuriti yang saya katakan itu, sekali gus berbeza dengan jabatan lain.

Kini, kita juga bercakap mengenai isu panas, iaitu halal. Inipun MAQIS perlu pastikan kerana makanan halal sangat sensitif kepada umat Islam.

Isu daging yang ditahan di Johor memberi kesan besar kepada MAQIS. Dari segi risikan, banyak maklumat penting kami peroleh, membawa kepada beberapa siri serbuan lain, termasuk di Puchong, Januari lalu dan Kajang pada Februari.



Alatan dinamakan 'snake eyes' yang digunakan dalam pemeriksaan oleh MAQIS.

S: Sebelum ini ada laporan media mendakwa kakitangan MAQIS turut bersekongkol dengan kartel penyeludupan daging import bagi melepasi pemeriksaan di pintu masuk negara.

J: Saya percaya dengan integriti pegawai saya. Kalau ada bukti terhadap dakwaan rasuah, jangan lapor kepada saya, tetapi terus kepada Suruhanjaya Penerimaan Rasuah Malaysia (SPRM).

Saya tidak akan melindungi atau berkompromi dengan mereka yang disyaki terbalik dalam rasuah.

S: Apakah langkah mengatasi sebarang elemen penerima rasuah membabitkan kakitangan MAQIS di pintu masuk seperti pertukaran penugasan petugas MAQIS?

J: Kami sebenarnya bekerja rapat dengan SPRM. Pada 2019 sahaja, saya sudah melakukan 150 pertukaran dan tahun lepas (180 pertukaran).

Kalau bahagikan jumlah kami, iaitu kira-kira 463 sebelum penambahan jawatan, anda akan dapat peratusan tinggi membabitkan pertukaran. Perlu ingat jumlah itu juga membabitkan ramai kakitangan di ibu pejabat, sekitar 50 orang.

Peratusannya sangat tinggi berbanding jumlah kami yang sedikit. Memang saya tukarkan dengan kekerapan maksimum dua tahun. Namun, ada juga tidak sampai dua tahun, bukan kerana mereka ada masalah, namun saya tidak mahu ada persepsi negatif.

Masalahnya bagi agensi penguatkuasaan ini, anda tidak lakukan kesalahan rasuah pun, tetapi dituduh buat. Kita tidak dapat lepaskan diri daripada fitnah. Namun, saya cuba meminimumkan risiko persepsi itu.

Penguatkuasaan ini kalau lama sangat di satu-satu tempat walaupun baik, orang akan cakap juga dia rasuah sebab sudah lama dan kenal ejen serta syarikat. Kita harus berdepan dengan persepsi dan menguruskannya.

S: Apa status pegawai MAQIS ditahan SPRM sebelum ini, adakah sudah kembali bertu-

gas di lapangan atau dipindahkan tempat kerja sementara siasatan berjalan?

J: Kes lima pegawai MAQIS ditahan di Johor, Januari lalu, belum ada pendakwaan, tetapi kami tukarkan di tempat lain untuk memudahkan SPRM menjalankan siasatan. Kalau masih di situ, nanti dikata mengganggu siasatan.

Kami biarkan siasatan mengambil tempat dan keadilan diberikan. Jika didapati bersalah, kami akan mengambil tindakan susulan mengikut prosedur tatatertib dan sebagainya.

S: Seperti diketahui, isu penyeludupan bekalan daging diragui status halalnya merisaukan pengguna khususnya umat Islam, bagaimana komitmen MAQIS menangani isu ini?

J: Saya sudah beri arahan supaya tolong periksa dengan teliti. Tidak kisah orang (di pelabuhan) membuat rungutan lambat atau apa.

Penyeludup diajak bijak dan mereka bukan seperti penyeludup beras di sempadan, sebaliknya kartel yang memiliki industri sendiri, mempunyai banyak duit dan lebih sofistikated. Justeru, MAQIS melancarkan tiada bulan tanpa serbuan.

Saya akan 'titik' golongan penyeludup habisan-habisan kerana ia komitmen saya dalam tempoh setahun ini. Saya punya sasaran adalah apabila pengguna boleh makan daging dengan tenang tetapi pada masa sama, pengguna juga kena mendidik diri.

S: Antara taktik sindiket adalah guna dokumen palsu untuk bawa bekalan daging. Bagaimana MAQIS hadapi taktik sebegini?

J: Pempun dokumen membabitkan sijil kesihatan dan label halal palsu dari negara luar bertujuan menyelirukan pihak berkuasa.

Mereka tahu selok-belok memudahkan urusan untuk melepasi pemeriksaan bekalan import dengan mengemukakan sijil palsu yang kelihatan sah.

Malah, dua daripada 149 kes siasatan membabitkan penyeludupan bekalan datang daripada sijil dan



Kekangan lain kita sudah kenal pasti melalui pindaan akta itu. Perkara lain daripada peluasan kuasa dan penambahan jawatan rentetan pindaan akta itu adalah apabila MAQIS sudah boleh pergi ke gudang dan terus membuat penahanan, sekali gus meringankan beban agensi sahabat yang lain.

label palsu sepanjang awal tahun ini.

Sindiket ini akan sentiasa melihat kelompokan, selain menggunakan teknologi canggih untuk memperdaya kami.

Bagaimanapun, MAQIS berjaya menghidu pelbagai taktik mereka termasuk menjalankan pemeriksaan menyeluruh menggunakan kamera snake eye, selain menyemak kesahihan dokumen dengan agensi sama dari negara luar.

Pegawai MAQIS di lapangan juga diarah memeriksa setiap kontena meskipun mengambil masa lama dan barisan panjang di tempat pemeriksaan.

S: Apakah kekangan lain dihadapi MAQIS dalam memben-

dung penyeludupan?

J: Kekangan lain kita sudah kenal pasti melalui pindaan akta itu. Perkara lain daripada peluasan kuasa dan penambahan jawatan rentetan pindaan akta itu adalah apabila MAQIS sudah boleh pergi ke gudang dan terus membuat penahanan, sekali gus meringankan beban agensi sahabat yang lain.

Kalau tidak, kita kena bawa KPDRHEE Jabatan agama dan JKDM. Mungkin selepas ini, kita hanya bawa PDRM untuk keselamatan kami atau SPRM.

S: Justeru, apa sasaran MAQIS dengan pindaan akta ini?

J: Sasaran kita, pengguna dapat makan dengan selamat. Saya gemar perhatikan orang menikmati makanan di restoran.

Kalau di sesuatu tempat makan itu, ramai makan daging, saya lega sebab kita tahu kebanyakan kedai makan menyediakan makanan berasaskan daging sejuk beku kerana harga lebih murah.

Namun ketika isu (mengenai penyeludupan daging import) dibangkitkan, pihak yang lega ialah penternak lembu tempatan kerana permintaan tinggi bagi bekalan segar.

Saya sasarkan dengan peluasan kuasa ini, kita akan memerangi isu ini dengan isu halal sebagai fokus utama hingga rakyat yakin.

Namun, penyeludupan tidak boleh jadi alif kerana pelacuran dan penyeludupan tidak boleh ditutup selagi ada permintaan serta bekalan. Kenapa orang suka menyeludup? Ini kerana ia boleh mengurangkan kos.

Contohnya, kos masuk daging RM14 sekilogram tetapi sekiranya sedulup, kos jadi RM6. Tolak ke pasaran dengan RM14 sekilogram, banyak keuntungan diperolehi.

Perniagaan daging ini bukan kilogram, sampai ke tan, jadi keuntungannya besar maka penyeludup rasa, berbaloi mengambil risiko.

S: Apa langkah diambil untuk tangani persepsi negatif terpaliti dengan MAQIS dalam isu penyeludupan daging import ini.

J: Sebab itu kami lancarkan

'tiada bulan tanpa serbuan' kerana ingin menyampaikan mesej kepada orang awam bahawa kami serius memerangi isu ini dan tidak main-main.

Sebenarnya ketika serbuan di Johor Disember lalu, ia membabitkan risikan kita selama setahun untuk mendapatkan maklumat. Kita tidak boleh masuk dengan mudah.

Kita bergantung kepada maklumat orang ramai, persatuan dan perubahan bukan kerajaan (NGO). Terima kasih kepada pihak yang memberi maklumat supaya kita boleh disepadankan dengan risikan.

Cerita mengenai daging halal ini sudah dikeluarkan di media sosial sejak akhir tahun lepas. Keputusan ketika itu, MAQIS sedang risik jadi cantiklah masa itu serbuan dibuat.

Saya tahu ia menimbulkan ketakutan, tetapi saya perlu melakukan tindakan itu kerana sekurang-kurangnya orang tidak hanya bercakap, namun ada tindakan daripada kerajaan.

S: Adakah sebarang langkah untuk mohon penempatan pegawai SPRM dalam MAQIS bagi meningkatkan integriti petugas jawatan?

J: Dalam Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Kebangsaan dipengerusikan Ketua Setiausaha Negara pada Februari lalu, memutuskan untuk memfokuskan isu biosekuriti dan meminta MAQIS mengkatil sekali lagi kemungkinan perlu ada penambahan bersesuaian.

Pihak atasan memberikan komitmen untuk kami memerangi isu ini. Sebarang penambahan jawatan berimplikasi kepada kedudukan kewangan.

Melalui jawatankuasa itu, Ketua Setiausaha Negara sendiri memberi komitmen untuk melihat isu biosekuriti ini membabitkan halal haram ini.

Apatah lagi Menteri (Datuk Seri Ronald Kiang), ketika saya menyambung perkhidmatan semula pada Februari lalu memberitahu saya bahawa isu daging ini, saya perlu betul-betul tangani sehingga rakyat berpuas hati. Sebagai menteri, beliau sangat mengambil berat isu ini.



Antara operasi dan serbuan MAQIS bagi menjaga biosekuriti makanan di negara ini.



MAQIS bersama pegawai kastam memeriksa di sebuah kilang daging sejuk beku berkaitan pembongkaran kegiatan kartel daging import.

MEAT CARTEL SCANDAL

CARTELS CONTINUE TO USE PROXY FIRMS

One alleged owner of a 'ghost company' is at risk of facing legal action

KUALA LUMPUR

THE use of fronts or proxy companies as a medium to bring in meat supplies from uncertified sources remains as cartels continue to run their illicit activities.

Worse, real persons were named as "owners" and "directors" of these dubious companies, despite their alleged non-existent involvement with the entities, as seen with at least one which was registered under a Bumiputera owner.

The company is legally registered and certified by local authorities as a business entity dealing in and importing agricultural products.

Nevertheless, transaction documents, as revealed by sources to the *New Straits Times* and *Berita Harian* in December, showed the

same company had been used as a proxy since its inception in 2019.

The documents recorded the sourcing of frozen meat from Brazil and approved by the company's purported owner and director.

"It is unknown how a 'ghost company' is still being used as a legitimate business on paper and go undetected by government agencies," sources said.

In 2019, 195 tonnes of frozen meat, with an estimated value of RM2.4 million, came in through the proxy company.

Last year alone, despite the Movement Control Order (MCO), the company imported 326 tonnes of supplies worth RM3 million.

Sources revealed that several containers of beef supplies from uncertified abattoirs entered the country through the company.



Some traders in the Klang Valley might have sourced beef from a warehouse in Puchong, which was raided in February for mixing meat from certified and uncertified abattoirs. PIC BY MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

It was also found that a fake health certification from Australia was used to bring in the beef under the company's name, as investigators pondered about the possible involvement of government agencies.

The use of real names to mask the illegality of the company provides cartels with a scapegoat and red herring to deter authorities from zooming in on the actual masterminds.

The alleged owner of the purported Bumiputera-owned company is now at risk of facing legal action, as the cartel moves away to set up another proxy.

Checks at local markets in Klang Valley found that some traders might have been deliberately sourcing frozen beef from a warehouse in Puchong, which was raided by the authorities in February

for mixing meat from certified and uncertified abattoirs.

It is believed among the supplies sourced were lungs, bones and tails from the said Puchong warehouse.

"Some of the traders are willing to be in cahoots with the warehouse operator since they are able to get cheaper supplies," said a source.

NST and BH's attempts to glean more information from the traders saw them reacting nervously to the queries on their supply source, while keeping tight-lipped.

NST and BH found the traders had their supplies packed in boxes that looked similar to the ones seized by authorities last month.

Last year, The NST frontpaged a report about the meat cartel, which had been in operation for

more than 40 years.

Senior officers from no fewer than four government agencies were believed to be working hand in glove with the cartel specialising in bringing non-certified meat into Malaysia and passing it off as halal-certified products.

These senior officers, entrusted with the responsibility of ensuring that halal standards were upheld, instead received money, and even women for sex as bribes in order to turn a blind eye to the cartel's operations.

In February, authorities raided the cold storage warehouse in Puchong where 12 men, including 11 foreigners, were detained.

The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department confirmed that frozen beef seized from the warehouse was from an uncertified abattoir.

'It breaks my heart to see my family endure this'

KUALA LUMPUR: A 37-year-old man was baffled over his identity being repeatedly used as a "director" of a company to bring in meat from dubious sources.

This was even after he had lodged a police report in the middle of last year over a similar case which linked him to the meat cartels.

The man also lodged a second report following a raid by the authorities at one of the seaports here to seize meat of dubious source earlier this year.

He is hoping he can be cleared of all allegations of involvement.

"I hope the case will be solved

as soon as possible.

"The authorities have already taken my statements. It breaks my heart to see my family going through this. I just hope everything will end well."

NST reported last year that the cartel responsible for importing meat and passing it off as halal in Malaysia is believed to have used proxy companies as the conduit for their products into the country.

It is understood that the cartel has between six and 12 proxy companies set up for this purpose, using Bumiputera individuals as company directors.

Maqis: Proxy firms can import frozen meat

PUTRAJAYA: The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) said any party can import frozen meat into the country, even if it is a "proxy" company.

Maqis director-general Saiful Yazan Alwi told the NST and BH that as long as the party fulfilled the criteria and requirement to obtain import permits from the government, it could carry out its business.

"Malaysia is a trading nation, so we welcome those who want to be involved in the import business."

When asked on the use of proxy companies or "dummy setups", Saiful said it was allowed.

"Those are just tactics in businesses. If they (business entities) fulfil the permit requirements, that they are allowed to import

their supplies," he said at his office here recently.

On the illegal use of a person's identity to set up a bogus company, Saiful advised that police reports be lodged.

At the same time, he said the import of frozen beef was unlike the import of chicken meat.

He said the supply of local chicken meat was sufficient to meet domestic consumption, while its import was mainly for manufacturing processed food products.

On the other hand, beef was insufficient to meet local demand.

"We issue permits as a mechanism to control the import of chicken. But it is not the same for beef."

"Local fresh beef supply can meet only 30 per cent of the cur-

rent domestic demand. That is why we encourage the import of frozen beef."

However, he said the meat must be only from certified sources and obtained via legal means.

Following the planned amendments to the Maqis Act 2011, Saiful hoped more could be done to stem smuggling.

Thirty-nine amendments were recommended in a paper to be reviewed by the Attorney-General's Chambers, before its tabling in the Dewan Rakyat.

"With the amendments, we can directly raid the warehouses to take action."

On a related matter, Saiful said the meat cartels were growing smarter in their strategies to smuggle in uncertified meat.

>> Turn to Page 10